



PM sertai 1,500 jemaah solat Jumaat

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama kira-kira 1,500 jemaah menunaikan solat Jumaat di Masjid Bandar Tun Hussein Onn, Cheras, semalam. Beliau disambut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shaari sebelum menyertai jemaah lain bagi mendengar khutbah bertajuk 'Falsafah Pensyariaan Ibadah Haji' terbitan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Beliau turut dibawa jawatankuasa kariah masjid untuk meninjau keadaan masjid berkenaan. Terdahulu sebelum solat Jumaat, Anwar berkesempatan singgah makan tengah hari di Restoran Sari Ros Cafe berdekatan masjid bersama orang ramai.